

## KEBOLEHPASARAN GRADUAN PROGRAM SIJIL PERKHIDMATAN LOGISTIK DI KOLEJ KOMUNITI

\*Syahira Md Desa <sup>1</sup>, Yasinah Abdul Rahman <sup>2</sup>, Mohamad Khairul Nizam  
dan Mohd Anuar Cheng <sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Kolej Komuniti Jasin*

<sup>2</sup>*Kolej Komuniti Kuala Langat Cawangan Sepang*

\*Pengarang Pengantara; syahira@kkjs.edu.my

### **Abstrak**

Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang stabil dan pesat, yang menyebabkan peningkatan dalam aktiviti perdagangan dan perniagaan. Berikutan ini, sektor logistik memainkan peranan penting dalam menyokong rantai bekalan dan pengedaran bagi produk dan perkhidmatan yang semakin meningkat dalam ekonomi yang berkembang. Namun begitu timbul persoalan sejauh mana graduan dari program Sijil Perkhidmatan Logistik (SLK) ini dapat menyokong dan memenuhi keperluan industri logistik yang semakin kompleks. Aspek kebolehpasaran seperti kemahiran praktikal, pengetahuan industri, dan kesesuaian program dengan kehendak majikan mungkin menjadi fokus isu-isu tersebut. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu jabatan untuk mengenal pasti tahap kebolehpasaran graduan SLK yang ditawarkan di Malaysia dan membantu dalam melaksanakan penambahbaikan terhadap program yang ditawarkan seiring dengan kehendak pasaran. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kadar kebolehpasaran graduan dari Program Sijil Perkhidmatan Logistik Kolej Komuniti di Malaysia, mengenal pasti perbandingan kadar pendapatan graduan program SLK dan mengenal pasti kadar kesepadanan pekerjaan graduan dengan bidang pengajian. Sampel kajian adalah daripada data Kajian Pengesanan Graduan 2023 tiga Kolej Komuniti yang menawarkan Sijil Perkhidmatan Logistik iaitu Kolej Komuniti Pasir Mas Cawangan Rantau Panjang, Kolej Komuniti Jasin dan Kolej Komuniti Kuala Langat Cawangan Sepang. Analisis deskriptif diperoleh dengan menggunakan perisian IBM SPSS 27. Secara keseluruhannya graduan SLK Kolej Komuniti mencapai kadar kebolehpasaran yang sangat tinggi iaitu 99 peratus di mana 59 peratus telah bekerja manakala 40 peratus lagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Ini menunjukkan bahawa program Sijil Perkhidmatan Logistik adalah sangat relevan sebagai penyedia modal insan di Malaysia.

**Kata kunci :** Kebolehpasaran, Graduan, Sijil Perkhidmatan Logistik

### **1.0 PENGENALAN**

Sektor logistik berkembang pesat di Malaysia disebabkan oleh beberapa faktor penting yang memainkan peranan dalam pertumbuhan dan kepentingan industri ini (Ślusarczyk et al., 2021). Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang stabil dan pesat, yang menyebabkan peningkatan dalam aktiviti perdagangan dan perniagaan. Sektor logistik memainkan peranan penting dalam menyokong rantai bekalan dan pengedaran bagi produk dan perkhidmatan yang semakin meningkat dalam ekonomi yang berkembang. Malaysia juga merupakan negara yang aktif dalam perdagangan antarabangsa. Peningkatan eksport dan import barang-barang memerlukan sistem logistik yang efisien untuk memastikan penghantaran dan pengedaran yang berkesan, memberi dorongan kepada pertumbuhan sektor logistik (Othman et al., 2020). Di samping itu juga terdapat cadangan untuk meningkatkan lagi infrastruktur logistik di dalam negara disebabkan peningkatan nilai eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit kerana beberapa produk berkaitan minyak sawit adalah keperluan harian bagi masyarakat global (Suroso, 2022). Pelaburan dalam pembangunan infrastruktur logistik seperti pelabuhan, lapangan terbang, jalan raya, dan sistem pengangkutan awam turut menyumbang kepada pertumbuhan sektor logistik. Infrastruktur yang baik membantu mempercepat aliran barang dan perkhidmatan di seluruh negara. Selain itu, Peningkatan penggunaan e-dagang dan belian dalam talian mendorong keperluan kepada sistem logistik yang cekap untuk mengendalikan penghantaran dan pengedaran produk yang diperoleh secara dalam talian. Kedudukan Malaysia sebagai pusat pemberat dan hub logistik di rantau ini menyumbang kepada peningkatan aktiviti logistik. Pelbagai perjanjian dagangan dan lokasi strategik Malaysia menjadikan negara ini destinasi yang penting untuk logistik serantau.

Berikutan dengan perkembangan sektor logistik di Malaysia, Institusi TVET seperti Kolej Komuniti menyediakan program Sijil Perkhidmatan Logistik untuk mengisi peluang pekerjaan di sektor logistik. Sekiranya dilihat daripada program pengajian yang telah disusun, graduan Program Sijil Perkhidmatan Logistik memainkan peranan penting dalam menyokong dan mengukuhkan sektor logistik. Ini kerana graduan memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan rantai bekalan, termasuk perolehan, penyimpanan, dan pengedaran barang. Mereka dapat menyusun dan menguruskan aktiviti-aktiviti ini dengan cekap untuk memastikan pergerakan dan bekalan yang lancar. Program ini sering melibatkan pengajaran tentang penggunaan teknologi dalam pengurusan logistik. Graduan akan mempunyai pengetahuan tentang perisian dan sistem yang digunakan dalam melaksanakan tugas-tugas logistik, seperti sistem pengurusan inventori dan perisian pengesanan penghantaran. Di samping itu, graduan dilatih dalam pengurusan stok dan inventori untuk memastikan bekalan yang mencukupi. Ini melibatkan pemahaman terperinci mengenai aliran barang dan pengekaln inventori yang efisien. Sebagai graduan, mereka diberi kemahiran untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah logistik yang mungkin timbul. Ini termasuk menangani isu-isu seperti kelewatan penghantaran, kekurangan stok, atau masalah teknikal dalam penggunaan sistem logistik. Sepanjang mereka di kampus, graduan telah

diterapkan dengan kemahiran insaniah supaya mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dan dapat bekerjasama dalam pasukan untuk menangani masalah logistik dan mencapai matlamat perniagaan.

Graduan program Sijil Perkhidmatan Logistik dilihat memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan industri logistik yang semakin kompleks dan berkembang pesat di negara ini disebabkan silibus yang diajar mampu membentuk kemahiran logistik kepada pelajar. Namun begitu timbul persoalan, sejauh mana graduan dari Program Sijil Perkhidmatan Logistik Kolej Komuniti di Malaysia mampu memenuhi kekosongan dan peluang pekerjaan dalam industri logistik. Ini kerana terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ramai graduan menghadapi masalah kebolehpasaran. Antaranya ialah, penyesuaian antara keperluan pasaran kerja dan kemahiran yang dimiliki oleh graduan mungkin tidak seimbang (Mohamed, 2014). Ini menyebabkan lulusan universiti dan institusi pengajian tinggi lain yang menghadapi cabaran mencari pekerjaan yang sepadan dengan kelayakan akademik mereka (Saiman, 2022). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kadar kebolehpasaran graduan dan kadar kesepadanan pekerjaan dengan bidang pengajian dari program Sijil Perkhidmatan Logistik Kolej Komuniti dalam bidang Perkhidmatan Logistik di Malaysia. Dalam era globalisasi dan perubahan landskap ekonomi yang dinamik, kebolehpasaran graduan menjadi faktor penentu kejayaan mereka dalam menembusi pasaran pekerjaan yang kompetitif. Dapatan kajian ini dapat memberikan pemahaman yang holistik tentang kadar kebolehpasaran graduan Program Sijil Perkhidmatan Logistik, termasuk cabaran dan peluang yang mereka hadapi dalam memasuki arena profesional di Malaysia.

## **1.1 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah :

- 1.1.1 mengenal pasti kadar kebolehpasaran graduan dari program Sijil Perkhidmatan Logistik dalam bidang Perkhidmatan Logistik di Malaysia
- 1.1.2 mengenal pasti perbandingan kadar pendapatan graduan program SLK
- 1.1.3 mengenal pasti kadar kesepadanan pekerjaan graduan dengan bidang pengajian

## **2.0 SOROTAN KAJIAN**

Banyak kajian dijalankan mengenai kebolehpasaran graduan IPT di Malaysia (Baha et al., 2020; Ali et al., 2021; Sabarudin et al., 2022). Ini kerana ianya berkait rapat dengan senario pengangguran graduan merupakan isu yang telah menjadi tumpuan utama dalam landskap pekerjaan negara sejak kebelakangan ini (Majid, 2015; Alias & Akhir, 2022). Fenomena ini melibatkan lulusan universiti dan institusi pengajian tinggi lain yang menghadapi cabaran mencari pekerjaan yang sepadan dengan kelayakan akademik mereka (Saiman, 2022). Pengangguran graduan bukan sahaja memberi kesan terhadap ekonomi individu, tetapi juga mempunyai implikasi

yang lebih meluas terhadap perkembangan sosial dan ekonomi negara secara keseluruhan. Oleh itu, perbincangan mengenai kebolehpasaran graduan untuk mengatasi isu ini menjadi semakin penting dalam merangka strategi kejayaan dalam pasaran pekerjaan yang kompetitif. Namun begitu, isu yang semakin kritikal ini yang berkaitan dengan kebolehpasaran graduan bukan sahaja dalam isu dalam negara, tetapi ianya merupakan isu global (Halim & Sahid, 2020).

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ramai graduan menghadapi masalah kebolehpasaran. Antaranya ialah, penyesuaian antara keperluan pasaran kerja dan kemahiran yang dimiliki oleh graduan mungkin tidak seimbang (Mohamed, 2014). Pendidikan formal mungkin tidak menyediakan latihan yang mencukupi untuk keperluan pasaran kerja yang semakin meningkat, dan sesetengah graduan mungkin tidak mempunyai kemahiran teknikal atau praktikal yang diperlukan oleh industri tertentu (Othman et al., 2020). Selain itu, faktor ekonomi dan struktur pasaran kerja turut memainkan peranan kepada kebolehpasaran graduan. Keadaan ekonomi yang lemah atau ketidakstabilan dalam industri boleh menyebabkan penurunan permintaan pekerjaan. Berdasarkan kepada senario ini, institusi TVET dalam negara (seperti Kolej Komuniti) berusaha untuk mewujudkan program-program yang boleh menerapkan kemahiran bersesuaian dengan permintaan sektor tertentu dalam industri (Thangaiyah et al., 2020). Antara program yang dilihat selari dengan permintaan sektor industri adalah program Sijil Perkhidmatan Logistik. Ini kerana sektor logistik bukan sahaja keperluan domestik, tetapi melibatkan negara lain seperti pertumbuhan di sektor perkapalan dan logistik serantau (Kusasi et al., 2023), keperluan dalam *Asean Customs Transit System (Acts)* (Yuninata & Mulyanto, 2023), keperluan logistik pertahanan negara (Abd Batau et al., 2023).

Menurut Andriani (2020), Sektor logistik menunjukkan pertumbuhan yang pesat, terutamanya dengan faktor-faktor seperti mobiliti yang semakin tinggi, perkembangan kedai dalam talian, dan peningkatan kecekapan kos penghantaran. Analisis Rantai Bekalan Indonesia (SCI) pada tahun 2018 mencatat pertumbuhan sektor logistik sebanyak 8.44%, mencapai jumlah sebanyak 735.2 trilion, menunjukkan potensi yang besar dalam industri ini. Keperluan untuk tenaga kerja yang mahir dan terlatih memberikan peluang pekerjaan yang meluas dalam pelbagai bidang seperti pengurusan rantai bekalan, logistik, dan pengendalian operasi harian syarikat logistik. Ini mencipta landasan yang kukuh untuk graduan memasuki pasaran pekerjaan dengan keupayaan untuk menyumbang kepada pertumbuhan dan kejayaan dalam sektor logistik yang dinamik. Di samping itu, menurut Sutandi (2018), transformasi ke arah era pendigitalan dan automasi telah memberi kesan positif kepada sektor logistik. Dengan aplikasi teknologi yang semakin meluas seperti Big Data dan Blockchain, sektor logistik mengalami perubahan asas dalam pengurusan dan analisis data untuk menyokong pembuatan keputusan organisasi. Peluang kebolehpasaran untuk graduan dalam sektor logistik semakin meningkat seiring dengan penggunaan teknologi ini (Darmica, 2023).

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini mengaplikasikan pendekatan penyelidikan kuantitatif secara deskriptif dengan mengadaptasi maklumat soal selidik dari Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) TVET. Sistem ini digunakan oleh semua institusi di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Oleh demikian, soalan-soalan yang digunakan boleh diterima dari segi kesahan dan kebolehpercayaan. Bentuk kerangka pembinaan soal selidik yang digunakan adalah seperti berikut (Rujuk Jadual 1).

**Jadual 1:** Kerangka Soal Selidik SKPG TVET

Bahagian	Skop Soalan
Bahagian A	Maklumat berkaitan latar belakang asas dan maklumat pengajian graduan
Bahagian B	Status pekerjaan terkini graduan, sama ada bekerja sepenuh masa, bekerja separuh masa, tidak bekerja atau lain-lain
Bahagian C	Maklumat pekerjaan graduan seperti taraf pekerjaan, kumpulan pekerjaan utama, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan, maklumat majikan dan kesepadanan pekerjaan dengan bidang pengajian
Bahagian D	Maklumat graduan yang belum bekerja
Bahagian E	Maklumat graduan yang melanjutkan pengajian
Bahagian F	Pengalaman semasa mengikuti pengajian di institusi seperti kurikulum, tenaga pengajar, kemudahan prasarana dan ICT

Pensampelan responden yang digunakan dalam penyelidikan ini merujuk kepada Jadual Pensampelan Krejcie & Morgan (1970). Responden adalah terdiri daripada graduan program Sijil Perkhidmatan Logistik (SLK) yang telah bergraduasi pada tahun 2023 di tiga buah Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Jasin, Kolej Komuniti Kuala Langat Cawangan Sepang, dan Kolej Komuniti Pasir Mas Cawangan Rantau Panjang. Jumlah responden yang terlibat adalah seramai 96 orang graduan daripada jumlah keseluruhan saiz populasi iaitu seramai 105 orang graduan. Penyelidik menggunakan kaedah penentuan sampel dengan merujuk kepada Jadual Pensampelan yang disyorkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), di mana penentuan jumlah sampel bagi saiz populasi seramai 110 orang, saiz sampel yang perlu diambil adalah sebanyak 86 orang. Oleh itu, bilangan responden seramai 96 orang graduan adalah sudah mencukupi sebagai sampel kajian ini.

Seterusnya, data yang diperolehi daripada Sistem Kajian Pengesanan Graduan yang diambil bagi kajian ini dianalisa dengan menggunakan perisian Statistical Package for Sosial Science (SPSS) for Windows Version 27.0 (SPSS V27.0). Prosedur statistik deskriptif dianalisa dengan menggunakan frekuensi dan peratus bagi menjawab persoalan kajian ini iaitu kadar kebolehpasaran graduan dari program Sijil Perkhidmatan Logistik

dalam bidang Perkhidmatan Logistik di Malaysia, perbandingan kadar pendapatan graduan program Sijil Perkhidmatan Logistik, dan kadar kesepadanan pekerjaan graduan dengan bidang pengajian.

#### 4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

##### 4.1 Demografi Responden Mengikut Institusi Pengajian

Graduan Sijil Perkhidmatan Logistik Kolej Komuniti untuk tahun 2023 adalah berjumlah 105 orang. Namun hanya 91.4 peratus sahaja yang telah menjawab Sistem Kajian Pengesanan Graduan – TVET iaitu seramai 96 orang yang akan dikenali sebagai responden kajian. Responden yang paling ramai adalah daripada Kolej Komuniti Jasin iaitu 46.88 peratus atau 45 orang responden. Responden yang paling sedikit pula adalah dari Kolej Komuniti Kuala Langat Cawangan Sepang yang mewakili 23.96 peratus atau 23 orang responden.

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut jantina bagi ketiga-tiga institusi pengajian yang menawarkan Program Sijil Perkhidmatan Logistik. Lelaki lebih mendominasi bidang logistik di mana 58.33 peratus graduan adalah terdiri daripada lelaki. Kolej Komuniti Jasin melahirkan paling ramai graduan iaitu sebanyak 46.88 peratus. Kolej Komuniti Kuala Langat Cawangan Sepang mempunyai bilangan graduan yang paling rendah iaitu seramai 23 orang atau 23.96 peratus. Ketiga-tiga Kolej Komuniti menunjukkan bahawa bilangan graduan lelaki melebihi bilangan graduan perempuan.

**Jadual 2:** Demografi Responden Mengikut Institusi Pengajian

JANTINA	INSTITUSI PENGAJIAN						JUMLAH	
	KK JASIN		KK PASIR MAS CAWANGAN RANTAU PANJANG		KK KUALA LANGAT CAWANGAN SEPANG			
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Lelaki	24	42.86	17	30.36	15	26.79	56	58.33
Perempuan	21	52.50	11	27.50	8	20.00	40	41.67
JUMLAH	45	46.88	28	29.17	23	23.96	96	100

##### 4.2 Status Responden Program Sijil Perkhidmatan Logistik Kolej Komuniti

Kadar kebolehpasaran graduan ditentukan dengan mengambil kira status graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, menunggu penempatan pekerjaan dan menunggu penempatan pengajian merujuk kepada Sistem Kajian Pengesanan Graduan, Kementerian Pendidikan Tinggi. Namun status responden graduan Sijil Perkhidmatan Logistik Kolej Komuniti hanya dibahagikan kepada tiga sahaja iaitu bekerja, belum bekerja dan sedang melanjutkan pengajian seperti di Jadual 3.

Secara keseluruhannya, kadar kebolehpasaran graduan Sijil Perkhidmatan Logistik berada di tahap yang sangat baik iaitu 98.9 peratus responden sudah bekerja dan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Hanya seorang responden dari Kolej Komuniti Kuala Langat cawangan Sepang yang belum bekerja kerana menjaga ahli keluarga yang sakit.

Responden Kolej Komuniti Jasin menunjukkan peratus tertinggi yang sudah bekerja iaitu mewakili 45.61 peratus diikuti oleh Kolej Komuniti Pasir Mas cawangan Rantau panjang dengan 42.11 peratus. Hanya 12.28 peratus responden Kolej Komuniti Kuala Langat cawangan Sepang yang telah bekerja. Responden Kolej Komuniti Pasir Mas cawangan Rantau Panjang adalah yang terendah dengan 10.53 peratus responden sedang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Peratus responden Kolej Komuniti Jasin masih lagi yang paling tinggi untuk status melanjutkan pengajian iaitu sebanyak 50 peratus.

**Jadual 3:** Status Responden Sijil Perkhidmatan Logistik Mengikut Institusi Pengajian

STATUS RESPONDEN	INSTITUSI PENGAJIAN						JUMLAH	
	KK JASIN		KK PASIR MAS CAWANGAN RANTAU PANJANG		KK KUALA LANGAT CAWANGAN SEPANG			
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Bekerja	26	45.61	24	42.11	7	12.28	57	59.38
Belum Bekerja	0	0.00	0	0.00	1	100.00	1	1.04
Melanjutkan Pengajian	19	50.00	4	10.53	15	39.47	38	39.58
JUMLAH	45	46.88	28	29.17	23	23.96	96	100

#### 4.3 Perbandingan kadar pendapatan graduan program Sijil Perkhidmatan Logistik

Kadar gaji minimum sebanyak RM1,500 telah digazetkan pada Perintah Gaji Minimum Pekerja Swasta 2022 yang berkuatkuasa pada 1 Mei 2022. Sehingga 2024 tiada sebarang perubahan telah dibuat dan ini bermakna kadar gaji minimum bagi kakitangan swasta kekal kepada RM1,500. Merujuk kepada Jadual 5, jumlah pendapatan graduan Sijil Perkhidmatan Logistik bagi 57 orang graduan yang bekerja, sebanyak 42.11 peratus sahaja yang mendapat pendapatan melebihi kadar gaji minimum.

Graduan Kolej Komuniti Jasin mewakili 58.33 peratus yang berpendapatan melebihi gaji minimum yang ditetapkan berbanding graduan Kolej Komuniti Pasir Mas Cawangan Rantau Panjang dan Kolej Komuniti Kuala Langat Cawangan Sepang iaitu 20.83 peratus. Graduan Kolej Komuniti Pasir Mas Cawangan Rantau Panjang mencatatkan peratusan tertinggi bagi pendapatan di bawah gaji minimum iaitu sebanyak 57.58 peratus diikuti oleh Kolej Komuniti Jasin iaitu sebanyak 36.36 peratus. Purata pendapatan graduan Sijil Perkhidmatan Logistik Kolej Komuniti Malaysia bagi tahun 2023 ada daripada RM1,001 sehingga RM2,000 di mana ia mewakili 59.65 peratus.

**Jadual 4:** Kadar Pendapatan Graduan Program Sijil Perkhidmatan Logistik

JUMLAH PENDAPATAN	INSTITUSI PENGAJIAN						JUMLAH	
	KK JASIN		KK PASIR MAS CAWANGAN RANTAU PANJANG		KK KUALA LANGAT CAWANGAN SEPANG			
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Tiada pendapatan	0	0.00	1	100.00	0	0.00	1	1.75
RM1,000 dan ke bawah	2	14.29	12	85.71	0	0.00	14	24.56
RM1,001 – RM1,500	10	55.56	6	33.33	2	11.11	18	31.58
RM1,501 – RM2,000	10	62.50	3	18.75	3	18.75	16	28.07
RM2,001 – RM2,500	4	57.14	2	28.57	1	14.29	7	12.28
RM2,501 – RM3,000	0	0.00	0	0.00	1	100.00	1	1.75
JUMLAH	26	45.61	23	40.35	7	12.28	57	100

4.4 Kadar kesepadanan pekerjaan graduan dengan bidang pengajian Kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti kadar kesepadanan di antara bidang pengajian yang diikuti dengan pekerjaan yang diceburi dalam kalangan graduan Sijil Perkhidmatan Logistik selepas menamatkan pengajian. Berdasarkan maklumat pekerjaan graduan, 100 peratus graduan yang bekerja adalah sepadan dengan bidang pengajian yang diikuti seperti di Jadual 5.

Sektor ekonomi penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman serta perkhidmatan lain mencatatkan peratusan tertinggi bagi sektor ekonomi pilihan graduan iaitu 42.1 peratus. Aktiviti isi rumah sebagai majikan: mengeluarkan barang dan perkhidmatan, aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial, maklumat dan komunikasi, pembinaan, dan pentadbiran dan pertahanan awam; keselamatan sosial wajib pula mencatatkan 8.75 peratus daripada jumlah graduan yang bekerja.



**Jadual 5:** Sektor ekonomi pekerjaan yang diceburi oleh graduan Sijil Perkhidmatan Logistik

SEKTOR EKONOMI	INSTITUSI PENGAJIAN						JUMLAH	
	KK JASIN		KK PASIR MAS CAWANGAN RANTAU PANJANG		KK KUALA LANGAT CAWANGAN SEPANG			
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	2	25.00	4	50.00	2	25.00	8	14.04
Aktiviti isi rumah sbg. majikan: mengeluarkan barangan dan perkhidmatan	1	100.00	0	0.00	0	0.00	1	1.75
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	1	100.00	0	0.00	0	0.00	1	1.75
Aktiviti perkhidmatan lain	6	50.00	6	50.00	0	0.00	12	21.05
Maklumat dan komunikasi	1	100.00	0	0.00	0	0.00	1	1.75
Pembinaan	1	100.00	0	0.00	0	0.00	1	1.75
Pembuatan	2	25.00	4	50.00	2	25.00	8	14.04
Pengangkutan dan penyimpanan	5	55.56	2	22.22	2	22.22	9	15.79
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	5	41.67	6	50.00	1	8.33	12	21.05
Pentadbiran dan pertahanan awam; keselamatan sosial wajib	1	100.00	0	0.00	0	0.00	1	1.75
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1	33.33	2	66.67	0	0.00	3	5.26
JUMLAH	<b>26</b>	<b>45.61</b>	<b>24</b>	<b>42.11</b>	<b>7</b>	<b>12.28</b>	<b>57</b>	<b>100</b>

## 5.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan Sijil Perkhidmatan Logistik di Kolej Komuniti adalah 98.9 peratus, iaitu melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) iaitu 95.0 peratus. Purata pendapatan graduan Sijil Perkhidmatan Logistik bagi tahun 2023 adalah antara RM1,001 sehingga RM2,000. Manakala, tahap kesepadanan pekerjaan graduan dengan bidang pengajian adalah sebanyak 100 peratus. Walau bagaimanapun, beberapa alternatif boleh dilaksanakan oleh institusi pendidikan bagi membantu graduan mendapatkan gaji permulaan melebihi gaji minimum yang ditetapkan oleh pihak kerajaan seperti yang diwartakan. Antaranya, pihak institusi berkolaborasi bersama penyedia latihan profesional atau kelayakan tambahan kepada pelajar-pelajar sebelum mereka menempuhi alam pekerjaan. Selain itu, pelajar-pelajar juga sentiasa dinasihatkan untuk mendapatkan tempat latihan industri di syarikat-syarikat yang berkaitan dengan bidang pengajian supaya pendedahan yang diperoleh semasa menjalani latihan industri dapat dijadikan sebagai pengalaman kerja dalam penentuan gaji permulaan. Dari dapatan ini juga diharap dapat memberi ruang kajian-kajian lain dalam usaha menambahbaik kualiti graduan program Sijil Perkhidmatan Logistik pada masa akan datang. Antara kajian yang boleh dibuat ialah mengenalpasti tahap kepuasan majikan terhadap graduan Sijil Perkhidmatan Logistik Kolej Komuniti.

## RUJUKAN

- Abd Batau, M. F., Bahari, M. Z. Z., Mohamed, A. S. P., & Nurudin, S. M. (2023). Analisa Konsep Industri Pertahanan dalam Memperkukuhkan Usaha Kerajaan Membangunkan Industri Pertahanan Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(11), e002609-e002609.
- Ali, N. M., Mat Salleh, S., Kamaruddin, K., Borhanuddin, R. I., Mohd Noor, H., & Mokhlas, H. (2021). Kupasan awal mengenai kebolehpasaran graduan di Malaysia: kualiti graduan, faktor majikan, kurikulum universiti dan kompetensi pendidik. *Borneo Akademik*, 5(2), 47-58.
- Alias, N. A. S., & Akhir, N. M. (2022). Strategi Daya Tindak Dalam Menangani Isu Pengangguran Dalam Kalangan Graduan IPTA Yang Terkesan Akibat Pandemik COVID-19. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(1), 1-10.
- Andriani, R. (2020). Pengaruh organizational citizenship behavior, komitmen organisasi, stres kerja dan kepuasan kerja terhadap turnover intention pada pt. kuala mina persada. *Jurnal Sekretari dan Manajemen*, 4(1), 34-39.
- Baha, N. A. D., Mansur, M., & Ismail, M. A. (2020). Potensi Kebolehpasaran Bakal Graduan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. *Malaysian Journal of Education (0126-6020)*, 45(2).
- Darmica, H. (2023). Kelautan berbasis big data dalam menghadapi era industri 4.0. *Jurnal Kelautan dan Perikanan Terapan (JKPT)*, 1, 81-85.
- Halim, N. H., & Sahid, S. (2020). Kemahiran Kesediaan Kerja, Efikasi Kendiri, Tingkah Laku Keusahawanan dan Eksplorasi Kerjaya dalam kalangan Graduan (Work Readiness Skills, Self-Efficacy, Entrepreneurial Behavior and Career Exploration among Graduates). *Akademika*, 90(S3).
- Kusasi, F., Paramita, B., & Akhirman, A. (2023). Analisis dan Perancangan SIM BUMDes Benan Bahari, di Desa Benan, Kabupaten Lingga, Provinsi Kepri. *Bahtera Inovasi*, 7(1), 107-117.
- Krejcie R.V., dan Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610.
- Majid, M. Z. A., & Hussin, M. (2015). Kebolehpasaran dan pengangguran graduan lepasan Institut Pengajian Tinggi (Ipt). *International Conference On Global Education III "Human Resources Development Towards Global Economy" 25-26 May 2015, Universitas Ekasakti, Padang, Republik Indonesia.*
- Mohamed, M. F. B. (2014). Penerapan kemahiran insaniah dalam konteks membina insan berkepimpinan di kalangan pelajar melalui aktiviti kokurikulum di universiti. In *Seminar Penyelidikan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, October* (pp. 1-11).
- Othman, F., Mutalib, R., & Manjamain, R. (2020). Perspektif Mahasiswa Terhadap Faktor Pengangguran Siswazah Di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5 PASAK5 2020*, 609, 620.

- Othman, M. K., Rahman, N. S. F. A., Ismail, A., & Saharuddin, A. H. (2020). Factors contributing to the imbalances of cargo flows in Malaysia large-scale minor ports using a fuzzy analytical hierarchy process (FAHP) approach. *The Asian Journal of Shipping and Logistics*, 36(3), 113-126.
- Sabarudin, A., Lokman, N. H., Jantan, N. S., Zainuridin, N. A., Abd Halim, A., & Khoiry, M. A. (2022). Tinjauan keberkesanan program keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap kebolehpasaran graduan menurut perspektif alumni UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001272-e001272.
- Saiman, M. Z. B. (2022). Analisis Kajian Faktor dan Punca Pengangguran di Malaysia: Sorotan Tinjauan dari Tahun 2010–2020. *Kuala Lumpur, Malaysia 15 January 2022*, 123.
- Ślusarczyk, B., Nathan, R. J., & Pypłacz, P. (2021). Employee preparedness for industry 4.0 in logistic sector: A cross-national study between Poland and Malaysia. *Social Sciences*, 10(7), 258.
- Suroso, A. I. (2022). The effect of logistics performance index indicators on palm oil and palm-based products export: The case of Indonesia and Malaysia. *Economies*, 10(10), 261.
- Sutandi, S. (2018). Pengaruh big data dan teknologi blockchain terhadap model bisnis sektor logistik dengan pendekatan business model canvas. *Jurnal Logistik Indonesia*, 2(1), 9-20.
- Thangaiah, E. A., Jenal, R., & Yahaya, J. (2020). Penerokaan Penggunaan E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar dan Pengajar TVET-Satu Kajian Awal (Investigating the E-Learning Usage Among TVET Students and Teachers-A Preliminary Study). *Akademika*, 90(S3).
- Warta Kerajaan Persekutuan: Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011; Perintah Gaji Minimum 2022, 27 April 2022, Jabatan Peguam Negara